

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
(KLANG)**

SOALAN

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan permohonan kewarganegaraan di bawah Artikel 14 dan Artikel 19 yang tidak dipraktikkan walaupun pemohon berhak mendapatkannya mengikut proses undang-undang. Apakah perubahan dan status SOP baru yang dijanjikan oleh mantan Menteri KDN dan adakah SOP ini dipraktikkan semua pegawai KDN.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian tidak mempraktikkan permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 14 dan Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan adalah tidak benar. Kementerian melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menerima dan memproses permohonan kewarganegaraan berdasarkan ketetapan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:-

- a. Secara kuatkuasa undang-undang iaitu di bawah Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan;
- b. Secara pendaftaran iaitu di bawah Perkara 15(1), Perkara 15(2), Perkara 15A, dan Perkara 16 Perlembagaan Persekutuan; atau
- c. Secara penaturalisasian iaitu di bawah Perkara 19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **kelahiran yang berlaku di Malaysia tidak menyebabkan seseorang individu memperoleh kewarganegaraan Malaysia secara automatik.** Kewarganegaraan seseorang individu ditentukan berdasarkan kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa kandung sewaktu kelahiran berlaku.

Dalam hal ini, Perkara 14(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa individu yang dilahirkan di Malaysia dengan salah seorang ibu atau bapa mereka adalah warganegara Malaysia layak dianugerahkan kewarganegaraan melalui kuatkuasa undang-undang, **tertakluk kepada pematuhan syarat** di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan, Kaedah-Kaedah Kewarganegaraan 1964 [L.N.82/1964] serta perundangan berkaitan yang berkuatkuasa.

Manakala, bagi permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 19 Perlembagaan Persekutuan, **para pemohon hendaklah terlebih dahulu memenuhi syarat-syarat** berkaitan tempoh kemastautinan yang dikira daripada pegangan Kad Pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR), tapisan keselamatan oleh pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), dan

mempunyai pengetahuan Bahasa Melayu yang memadai.

Mengenai Prosedur Operasi Standard (SOP) bagi permohonan kewarganegaraan di bawah Perkara 15A Perlembagaan Persekutuan, SOP yang ditambahbaik telah dilaksanakan dengan tempoh pemprosesan yang lebih singkat bagi permohonan yang lengkap diterima mulai tahun 2020. Manakala, bagi permohonan kewarganegaraan lain di bawah Perlembagaan Persekutuan, fakta dan dokumen sokongan yang dikemukakan oleh setiap pemohon akan diteliti secara *case-by-case* mengikut giliran yang sewajarnya sebelum keputusan dikeluarkan. Sehubungan dengan itu, tiada tempoh tertentu yang ditetapkan bagi pengeluaran keputusan dan ianya berbeza-beza mengikut keperluan dan fakta kes.

Sukacita diingatkan bahawa ibu bapa dan penjaga kepada individu yang bertaraf Belum Ditetapkan atau Bukan Warganegara bertanggungjawab sepenuhnya untuk menguruskan kewarganegaraan, dokumen pengenalan diri, dan dokumen perjalanan dengan Negara asal bagi mengelakkan ketiadaan dokumen pengenalan diri, keberadaan tidak sah di Malaysia dan seterusnya disalah anggap sebagai tidak memiliki kewarganegaraan dari mana-mana negara (*stateless*).